

ESEI HOT SPM 2023

1	Langkah menangani stres	8	Kepentingan sektor pelancongan kepada ekonomi negara.
2	Cara mengamalkan gaya hidup sihat	9	Kepentingan sektor pertanian di Malaysia (kelebihan/ kebaikan)
3	Langkah memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat di Malaysia.	10	Usaha-usaha menggalakkan golongan muda menceburi bidang pertanian
4	4. langkah-langkah untuk menjaga alam sekitar.	11	Langkah-langkah mengatasi jenayah siber (cara menangani)
5	Persediaan sebelum menempuh alam pekerjaan.	12	Cara memupuk semangat kejiranan
6	Langkah-langkah memajukan mutu sukan negara.	13	Kepentingan teknologi maklumat kepada masyarakat
7	Usaha memupuk perpaduan kaum.		

1. LANGKAH-LANGKAH MENANGANI STRES ATAU TEKANAN DENGAN BERKESAN

Sejak kebelakangan ini, isu depresi dan kemurungan menjadi polemik yang dibincangkan dalam masyarakat konvensional. Kenaikan kos sara hidup dan ketidak tentuan ekonomi negara telah menyebabkan isu yang sebelum ini tidak diberi perhatian umum kini menjadi masalah utama dalam kalangan komuniti terutamanya golongan remaja dan belia. Masalah depresi atau kemurungan berpunca daripada tekanan atau stres yang berpanjangan, keterlaluan dan tiada kemampuan daya tindak seseorang individu terhadap masalah tersebut. Ia merupakan tindak balas fizikal, emosi dan juga mental yang dialami oleh seseorang apabila terdapat desakan terhadap sesuatu perkara. Sesiapa sahaja yang mengamalkan berbagai cara gaya hidup samada kanak-kanak, remaja, dewasa serta warga emas boleh mengalami stres atau tekanan. Justeru, wajar untuk kita bincangkan apakah cara-cara yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi tekanan atau stres sebagai panduan kepada masyarakat hari ini.

Prakarsa utama dalam membendung tekanan atau stres adalah dengan mempelajari kawalan emosi sendiri. Terdapat tekanan yang berbentuk sedikit, sederhana dan berlebihan di mana dalam jangka masa panjang dan tidak dapat ditangani oleh individu tersebut, ia akan menyebabkan kesan negatif serta memudaratkan kesihatan mereka. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperkenalkan penyelesaian jangka pendek sebagai kawalan emosi sendiri yang dikenali sebagai kaedah "10B". Sekiranya anda mengalami stres atau tekanan anda perlu mengikuti kaedah ini secara berturutan iaitu bertenang, bernafas secara dalam, berkata relaks kepada diri, beribadat, bercakap dengan seseorang, berurut, berehat dan mendengar muzik, beriadah, bersenam serta akhir sekali berfikir positif. Kaedah ini juga baik untuk membantu menangani tekanan darah tinggi yang meyumbang kepada punca stres. Memang kita tidak boleh nafikan bahawa punca tekanan dan stres lazimnya bukan daripada diri kita dan sukar untuk mengatasinya tetapi dengan kaedah yang diutarakan, kita dapat mencegah perkara yang lebih negatif daripada berlaku.

Di samping itu, tekanan atau stres boleh diatasi dengan berkongsi masalah atau bercerita tentang perkara yang dilalui kepada individu yang dipercayai. Sebagai contoh, apabila majikan memarahi pekerja tentang tugas yang diberikan, pekerja tersebut tidak berasa tertekan dan tidak tahu cara untuk menyelesaikan masalah terbabit untuk mengurangkan stress. Maka, pekerja tersebut boleh mencari rakan kerja yang berkecimpung dalam bidang yang sama seterusnya berkongsi masalah dan berbincang tentang jalan penyelesaian terbabit. Tindakan ini bukan sahaja dapat mengurangkan tekanan malah menunjukkan teladan dan tahap profesional yang lebih baik daripada majikan pekerja tersebut yang menuding jari tanpa memberikan sebarang bantuan. Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah pun membangunkan Talian Kasih 15999 yang beroperasi selama 24 jam pada setiap hari. Talian aduan krisis ini membolehkan sesiapa sahaja yang mempunyai masalah berkaitan kaunseling, kebajikan, perlindungan dan masalah keluarga untuk berhubung dengan pegawai yang bertugas dan mereka akan membantu mangsa atau individu yang tiada kenalan untuk berkongsi masalah serta untuk menghilangkan stres.

Alternatif lain yang dapat dilakukan oleh individu bagi mengelakkan tekanan atau stres adalah dengan melakukan aktiviti riadah seperti bersenam atau bersukan. Umum mengetahui bahawa aktiviti riadah mendatangkan pelbagai manfaat sekiranya kita aktif dalam menyertainya. Misalnya, apabila seseorang bermain sukan badminton bersama rakan-rakan, secara zahirnya mereka dapat melepaskan tekanan yang mereka alami dengan menghasilkan pukulan smesy ke arah lawan. Tambahan pula permainan sukan mewujudkan semangat setiakawan dan kerjasama di mana satu bentuk kepuasan akan diperolehi sekiranya pasukan individu tersebut memenangi permainan yang disertai. Bagi golongan dewasa yang berkerjaya dan mempunyai kekangan masa untuk bersukan seharusnya meluangkan masa di hujung minggu untuk beriadah sekurang-kurangnya selama 30 minit. Kemudahan pusat riadah seperti taman permainan dan taman komuniti telah lengkap dengan trek untuk berjoging atau berbasikal serta kelengkapan asas gimnasium yang boleh digunakan tanpa bayaran untuk melepaskan hormon kesehatan tubuh. Kesannya, badan yang cergas akan membentuk minda sihat dan tekanan atau stres dapat diatasi.

Jika dilihat pada sudut pandang yang berlainan, tekanan dapat dielakkan dengan mendekati diri kepada Tuhan. Hal ini demikian kerana, ketenangan hati dan segala urusan duniawi adalah kurniaan dan ujian yang diberikan oleh Tuhan. Maka, kita seharusnya sentiasa bermuhasabah diri sama ada perkara atau kehidupan yang kita jalani seiring dengan ajaran dan kehendak Beliau. Setiap agama menegakkan konsep kebaikan dan nilai-nilai murni supaya kita tidak terjerumus dalam lembah duniawi yang tidak kekal dan bersifat sementara. Sebagai seorang muslim, ibadat solat merupakan tiang agama dan mampu membantu menenangkan hati dan minda jika dilakukan dengan kekhusyukan. Tambahan pula, segala perbuatan dalam solat telah ditafsirkan sebagai bentuk senaman ringan kepada kita setelah mengharungi pekerjaan sepanjang hari. Lantaran itu, pendekatan diri kepada Sang Pencipta bukan sahaja memberikan kita ketenangan malah menunjukkan jalan yang benar dan diperlukan oleh manusia yang lemah seperti kita semua untuk meningkatkan kerohanian. Izharnya, kekuatan rohani akan mezhahirkan ketahanan jasmani terhadap apa sahaja masalah yang timbul.

Sebagai kesimpulan, terdapat banyak cara menghilangkan stress yang boleh dilakukan bagi mengatasi tekanan atau stres. Ia adalah perasaan semula jadi yang ada pada setiap individu dan pelbagai faktor yang menyumbang kepada desakannya terhadap seseorang individu. Dengan kesedaran masyarakat yang semakin baik terhadap perkara ini, ramai pihak seharusnya menggembeng tenaga bagi memperkenalkan mekanisme kawalan terhadap tekanan atau stres yang dihadapi oleh ahli masyarakat. Perkara ini boleh diputar menjadi sumber motivasi seseorang untuk mencapai segala bentuk kejayaan dalam perkara yang mereka ceburi. Kita hanya memerlukan kepakaran dan kajian yang telus supaya dapat membantu golongan yang terkesan serta untuk mengetahui kaedah terbaik kerana mencegah lebih baik daripada merawat. Semoga segala inisiatif dan cara menghilangkan stres yang diatur dapat memangkin sifat mahmudah dalam diri setiap individu seterusnya melahirkan komuniti yang hidup sejahtera, aman dan harmoni.

2.CARA MENGAMALKAN GAYA HIDUP SIHAT.

Gaya hidup yang sihat (GHS) merupakan kunci utama kepada kesejahteraan insan. Insan yang sihat pastinya dapat memainkan peranan aktif terhadap pembangunan agama, bangsa dan negara. GHS didefinisikan sebagai suatu keadaan fizikal, minda dan sosial yang sihat, cergas, cerdas serta bebas dari sebarang penyakit berlandaskan keadaan sosial dan masyarakat. Definisi ini menegaskan bahawa status gaya hidup yang sihat ditunjangi oleh faktor fizikal, mental dan sosial yang sihat, berfungsi, cergas serta tidak diancam oleh sebarang penyakit yang boleh memudaratkan insan. Terdapat pelbagai cara atau kaedah untuk dipraktikkan dalam mengamalkan kehidupan yang sihat antaranya adalah dengan menjaga pemakanan seharian, melakukan senaman atau riadah, jauhkan diri daripada tekanan diri, menjaga kebersihan rumah dan persekitaran daripada terjebak melakukan perkara yang menjejaskan kesihatan, dan membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Perkara paling penting dalam mengamalkan gaya hidup sihat adalah dengan mengamalkan pemakanan yang seimbang. Ianya meliputi pengambilan pelbagai jenis makanan berdasarkan piramid makanan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Antara makanan-makanan yang paling utama atau perlu diambil berdasarkan piramid makanan adalah makanan yang tinggi kandungan karbohidrat seperti: Nasi Bujerin Hal ini

diperlukan kerana karbohidrat membekalkan tenaga untuk membolehkan tubuh badan kita dapat menjalankan pelbagai urusan kehidupan seharian. Seterusnya, pengambilan makanan yang digalakkan berdasarkan piramid makanan adalah seperti:- Sayur-sayuran Buah-buahan Mengambil makanan tersebut dengan secukupnya penting untuk membekalkan vitamin serta serat kepada badan manusia. Di samping itu, berdasarkan piramid makanan juga, ia menganjurkan pengurangan makanan yang mengandungi lemak, minyak, garam, dan gula. Ini kerana ia dapat mengelakkan pelbagai penyakit kronik seperti serangan jantung, diabetes, darah tinggi dan sebagainya.

Cara mengamalkan gaya hidup yang sihat yang lain juga adalah dengan melakukan aktiviti senaman dan riadah yang penting untuk tubuh badan kita. Dengan mengamalkan pengambilan makanan seimbang serta amalan bersenam dan beriadah secara konsisten ini, sekaligus dapat membakar kalori dalam badan dan juga mengurangkan masalah peningkatan berat badan. Aktiviti senaman dan riadah boleh dilakukan sekurang-kurangnya 3 kali seminggu. Anggaran tempoh bagi setiap sesi senaman dan riadah tersebut adalah memadai untuk dilakukan dalam masa 20 hingga 30 minit.

Tekanan diri adalah gejala negatif yang semakin menular dalam kalangan masyarakat pada masa ini kerana melibatkan tekanan yang sukar dikawal sama ada di tempat kerja atau tempat belajar selain daripada masalah rumah tangga. Seseorang yang mengalami tekanan diri ini perlulah bijak mencari formula untuk menguruskannya supaya fikiran tidak kusut sehingga mengganggu kehidupan harian kita serta akhirnya boleh menjejaskan kesihatan diri. Antara langkah yang dapat dilakukan untuk menangani tekanan diri ialah seperti:- Meminta pendapat atau pandangan orang yang lebih pakar ataupun kaunselor Berkongsi masalah dengan rakan atau keluarga Mendekatkan diri kepada Tuhan serta aktiviti keagamaan untuk terus memotivasi diri Tekanan diri yang dapat diuruskan dengan baik membolehkan diri kita supaya hidup lebih bahagia dan sihat. Gaya hidup yang sihat memerlukan kita supaya terus aktif dan keluar dari rasa kemurungan disebabkan tekanan diri mahupun kehidupan yang tidak teratur.

Menjaga Kebersihan Rumah dan Persekitaran Amalan seterusnya ialah menjaga kebersihan rumah dan persekitaran. Ini adalah untuk mengelak daripada terjebak atau terdedah kepada perkara yang menjejaskan kesihatan. Antaranya adalah seperti tempat-tempat yang membolehkan nyamuk membiak dan menyumbang kepada penyakit demam denggi. Segala sampah sarap hendaklah dibuang ke tempat yang dihaskan. Pembuangan sampah sarap ke dalam sungai atau ke longkang luar rumah juga adalah dilarang kerana ia boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Secara kesimpulannya, terdapat banyak amalan yang perlu kita lakukan antaranya seperti perkara yang dinyatakan di atas untuk membolehkan kita supaya terus hidup sihat. Amalan ini harus dipupuk serta disedari oleh kita sejak daripada kecil lagi. Ibu bapa serta anggota keluarga lain juga memainkan peranan dalam mendidik kita mengamalkan gaya kehidupan ini. Akhir sekali, peribahasa Melayu ada menyebut "mencegah itu lebih baik dari mengubati" maka marilah kita sama-sama mengamalkan gaya hidup sihat sebelum terlambat. Related : kencing manis, mengurangkan risiko, makanan harian, aktiviti fizikal, salah satu, tekanan darah tinggi, penyakit berbahaya, untuk memberikan, risiko penyakit, pilihlah makanan

3. LANGKAH MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI MALAYSIA.

Dalam memupuk semangat patriotik dalam kalangan masyarakat negara kita pada masa ini banyak pihak telah mendakwa bahawa semangat patriotik semakin luntur. Hal ini terjadi kerana sikap masing-masing yang sibuk dengan urusan sendiri dan menyebabkan mereka tidak menghiraukan perkara lain. Menurut mereka, apa yang penting bagi kehidupan adalah bekerja untuk mengumpul kekayaan serta ingin mendapatkan wang bagi menambahkan pendapat mereka sahaja. Justeru, mereka mungkin terlupa dan tidak menitikberatkan langsung semangat patriotik sehingga tidak mempedulikan sambutan hari kebangsaan. Sebagai contoh, ada dari kalangan masyarakat kita kini alpa untuk mengibarkan bendera Malaysia ketika sambutan ulang tahun kemerdekaan negara dijalankan. Hal ini amat membimbangkan dan kita berharap agar semangat patriotik dalam kalangan masyarakat dapat dipertingkatkan. Sama-sama kita sebagai rakyat Malaysia mengambil langkah yang sewajarnya bagi memupuk semangat patriotik dalam diri sendiri dan juga kalangan masyarakat.

Bila dilihat secara terperinci, sebenarnya terdapat banyak cara yang boleh dijalankan bagi memupuk semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita. Antaranya adalah dengan memupuk semangat patriotik sejak dari awal umur lagi seperti di bangku sekolah. Hal ini membolehkan semangat patriotik hidup sehati dalam diri pelajar seperti kata pepatah Melayu iaitu "melentur buluh, biarlah dari rebungunya". Perlu difahami pengaruh guru di sekolah adalah penting dan berperanan dalam usaha menyemai semangat patriotik dalam jiwa anak-anak murid mereka semenjak mereka masih kecil. Hal ini disebabkan para guru yang mengajar di sekolah boleh menekankan sifat-sifat patriotik di dalam kelas. Mereka perlu mendorong kanak-kanak untuk melahirkan perasaan bangga dan syukur terhadap negara serta cinta akan tanah air. Sebagai contoh, pihak sekolah boleh mengadakan program seperti sambutan Hari Kemerdekaan peringkat sekolah, nanyian Lagu Negara ku ketika perhimpunan dan banyak lagi. Guru-guru juga boleh menerapkan semangat patriotik semasa mengajar dalam subjek seperti:- Sejarah (secara umumnya sejarah tanah Melayu dalam proses mencapai kemerdekaan) Bahasa Melayu (penerapan unsur-unsur patriotik melalui medium bahasa kebangsaan) Pendidikan Islam/Moral (melahirkan akhlak yang selari dengan semangat patriotik) Sekiranya semangat patriotik dapat dipupuk sejak kecil, sudah pasti semangat itu akan terus diamalkan dan dikekalkan sehingga dewasa. Dalam pada itu, amalan sebegini penting kerana kita dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa cinta pada negara dan tidak akan melakukan perkara-perkara yang boleh mencemarkan nama baik negara.

Selain itu, ibu bapa juga harus memainkan peranan penting dalam memupuk semangat patriotik pada jiwa sanubari anak-anak mereka. Ini kerana, anak-anak yang masih belum matang untuk berfikir akan sentiasa mencontohi tingkah laku ibu bapa mereka ibarat kata pepatah "bapa borek, anak rintik". Kanak-kanak akan ingat pada pengajaran yang mereka lihat dan sering mendengar kata-kata ibu bapa mereka. dan sikap yang diamalkan semasa kecil biasanya akan kekal hingga mereka dewasa. Disebabkan itu, ibu bapa sewajarnya menerapkan semangat patriotik dalam jiwa anak mereka "bagai menatang minyak yang penuh". Ini kerana anak-anak remaja kini dilihat sering terlibat dengan masalah sosial. Gejala buruk ini mestilah dielakkan kerana ianya boleh menyebabkan remaja semakin alpa dan lalai tentang tanggungjawab mereka terhadap tanah air tercinta ini. Sebaliknya, ibu bapa haruslah mendidik anak mereka tentang sejarah kemerdekaan negara dan kepahlawanan tokoh-tokoh terkenal yang berjuang demi tanah air.

Selain itu, pihak yang bertanggungjawab hendaklah menjalankan kempen secara besar-besaran dalam memupuk semangat patriotik antara masyarakat. Kempen-kempen yang berkaitan dengan semangat patriotik ini akan memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita. Pelbagai pertandingan boleh dianjurkan sempena bulan penghayatan kemerdekaan. Oleh itu, media massa boleh menggunakan media elektronik seperti media sosial yang sememangnya berkesan untuk menyuburkan dan meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat. Dengan ini, bukan sahaja dapat memupuk semangat patriotik malahan dapat mengeratkan perpaduan antara kaum di negara kita seperti ayat pepatah "sambil menyelam minum air". Sebagai contoh, tindakan yang sewajarnya boleh dilakukan oleh media massa televisyen dan radio adalah seperti menyiarkan rancangan atau program yang berunsurkan patriotisme supaya dapat meningkatkan semangat patriotik seperti menyiarkan rencana tentang pejuang-pejuang kemerdekaan negara. Menayangkan filem-filem patriotik seperti "Paloh", "Bukit Kepong" dan drama-drama yang berkaitan dengan semangat cinta akan negara. Jelaslah, sekiranya pihak yang bertanggungjawab mengambil peranan mereka masing-masing, ia sedikit sebanyak dapat menerapkan semangat patriotik dalam diri masyarakat.

Kesimpulannya, semangat patriotik sangat penting untuk melahirkan warganegara yang cinta akan negaranya dan pastinya akan menjadi individu yang berguna kepada agama, bangsa dan negara sendiri. Seseorang yang memiliki semangat patriotik yang tinggi akan sentiasa berusaha untuk memajukan diri dan negaranya demi mencapai kemajuan dan pembangunan dengan cepat seiring dengan negara-negara maju yang lain. Oleh itu, semua pihak hendaklah bersama-sama berganding bahu bagi memainkan peranan masing-masing agar semangat patriotik dapat disuburkan dan dipupuk dalam generasi akan datang. Kita perlu ingat seperti kata-kata Samuel Johnson yang merupakan seorang editor, pengkritik sastera, penyair, moralis, biografi, penyusun kamus dan penulis esei yang terkenal ini yang menyatakan bahawa "masa depan itu dibeli oleh masa sekarang".

4.LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENJAGA ALAM SEKITAR.

Dasawarsa ini, sama ada kita sedar atau tidak lantaran terlalu dihidangkan dengan pembangunan negara yang semakin gah di persada dunia. Namun disebalik itu, kita acapkali tersentak oleh pelbagai permasalahan yang mengancam khazanah negara kita iaitu alam sekitar. Kekayaan flora dan fauna yang dimiliki negara kita seperti kawasan-kawasan tumbuhan hijau, udara dan air semakin diancam pencemaran dek kerana pembangunan sosioekonomi yang berlangsung bagi cendawan tumbuh selepas hujan. Kesan daripada kecuaiannya manusia mengejar kekayaan tanpa memikirkan akibat terhadap alam sekitar telah menyebabkan insiden atau bencana berlaku yang mengancam nyawa manusia. Justeru, kita perlu sedar bahawa demi kelangsungan tamadun manusia sejagat dan habitat yang kita huni, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar perlu menjadi agenda utama pada masa kini. Apakah langkah-langkah yang boleh kita laksanakan untuk menjaga alam sekitar?

Prakarsa utama dalam mendepani cabaran yang melibatkan setiap pihak adalah bermula dengan polisi yang digunakan oleh negara serta mampu menjadi model kepada negara serantau. Sebagai pihak berkuasa, anjakan paradigma perlu diambil bagi memastikan kemajuan masyarakat tempatan berlaku dari semasa ke semasa. Penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui wajar diperkenalkan dan diperkasa dalam industri-industri yang berisiko mengancam pemeliharaan alam sekitar di negara ini. Sebagai contoh, penggunaan sumber solar sebagai tenaga elektrik di kawasan bandar perlu diperluaskan supaya penggantungan terhadap penjanaan elektrik daripada sumber arang dan hidro elektrik berkurangan. Sebaliknya, sumber air yang digunakan dapat disalurkan ke kawasan-kawasan yang kurang bekalan air bersih dan juga digunakan untuk pertanian di kawasan luar bandar.

Langkah alternatif yang boleh dilakukan dalam membuka mata masyarakat tentang isu ini adalah dengan melaksanakan kempen secara konsisten. Apabila pihak berkuasa mula mengorak langkah yang jitu dalam menjaga kekayaan alam sekitar negara, media massa perlu memainkan peranan penting untuk menyampaikan mesej kepada setiap golongan masyarakat. Semua pihak perlu mengkaji dan mengaplikasikan norma masyarakat umum pada masa ini yang menggunakan media sosial sebagai medium utama dalam komunikasi antara satu sama lain. Oleh itu, sekiranya kita ingin mengubah stigma masyarakat terhadap kepentingan memelihara alam sekitar, cara yang mudah hendaklah dekat dan efektif kepada diri mereka. Misalnya, memperbanyakkan rancangan yang melibatkan selebriti dalam kempen mengitar semula dan sebagainya. Institusi lain yang melibatkan masyarakat seperti sekolah, universiti dan organisasi kerja juga bertanggungjawab menjalankan kempen kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar. Intihannya, kempen yang menyeluruh pasti dapat mencapai sasaran yang kita kehendaki.

Selain itu, langkah-langkah untuk menjaga alam sekitar yang boleh disertai oleh ahli masyarakat adalah melakukan aktiviti sukarelawan membersihkan kawasan sekitar. Persis kata peribahasa, kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Hal ini demikian kerana masih terdapat segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sisa-sisa yang tidak sepatutnya ke dalam sungai atau laut. Pemeraksanaan undang-undang juga mungkin tidak diendahkan atau meninggalkan kesan kepada mereka. Oleh itu, kita sebagai warganegara yang cinta akan negara seharusnya menyertai aktiviti-aktiviti sukarelawan yang berusaha membersihkan kawasan yang dicemari seperti kawasan sungai dan pantai. Pencemaran sampah dan sisa lain yang sering berlaku di negara kita perlu diambil serius oleh semua pihak. Jika insiden ini dibiarkan, hidupan akuatik dan juga sumber air kita akan terancam dan menyebabkan kita kekurangan sumber tersebut. Sebagai contoh, di Jepun pernah berlaku satu wabak yang menyebabkan setiap penduduk di kampung yang menggunakan sungai tercemar sebagai sumber air harian mati dan lahir dengan kecacatan yang kekal. Maka, kita seharusnya mengambil sejarah ini sebagai iktibar bagi menjamin kelangsungan hidup untuk masa hadapan.

Pada peringkat individu pula, amalan kitar semula adalah langkah terbaik bagi menyelamatkan alam sekitar. Kitar semula adalah menggunakan semula bahan-bahan terpakai menjadi bahan lain yang bermanfaat. Misalnya, takungan air hujan boleh digunakan sebagai air siraman pokok atau

tumbuhan yang kita tanam di halaman rumah. Bahan-bahan lain seperti plastik, kaca dan bahan elektronik yang tidak berfungsi boleh disumbangkan kepada pengusaha kitar semula. Setiap bahan berpotensi untuk diproses semula menjadi barang yang berguna kepada masyarakat tanpa perlu membazirkan sumber yang baharu. Mutakhir ini, syarikat-syarikat pakaian seperti kasut dan beg mula menggunakan bahan terpakai sebagai bahan asas dalam produk baharu mereka. Dengan kesedaran entiti-entiti besar dalam mementingkan pemeliharaan alam sekitar mampu menjadi medium kepada sebahagian masyarakat untuk sedar akan manfaatnya. Dengan berbuat demikian, kita bukan sahaja dapat menyelamatkan alam sekitar, ia juga dapat membantu kita menjadi pengguna yang berhemah dan tidak menggunakan wang yang banyak dalam mendepani cabaran ekonomi yang telah meningkatkan kos sara hidup.

Secara tuntas, pelbagai langkah perlu dilaksanakan dalam menjamin pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar. Setiap pihak di setiap peringkat seharusnya memainkan peranan masing-masing bagi mencapai objektif kelestarian alam sekitar. Inisiatif ini merupakan usaha yang kolektif dimana dengan penglibatan setiap di antara kita dapat membuahkan hasil yang sangat berbaloi bukan sahaja kepada kita malah untuk kehidupan generasi-generasi akan datang bak kata peribahasa Melayu, bukit sama didaki, lurah sama dituruni. Semoga ahli pemikir bekerjasama dengan badan eksekutif dalam negara menjadikan polemik ini sebagai agenda utama negara dan mencari mekanisme terbaik dalam memastikan pembangunan dan alam sekitar kita mencapai tahap terbaik dan menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia.

5. PERSEDIAAN SEBELUM MENEMPUH ALAM PEKERJAAN.

Alam pekerjaan merupakan suatu fasa dalam kehidupan yang semua manusia akan tempuh demi mencari pendapatan. Pendapatan digunakan untuk menyara kehidupan diri, keluarga dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara dan juga agama. Berbeza dengan sedekad yang lalu, pekerjaan yang stabil semakin sukar untuk diperolehi kerana berlaku kadar persaingan yang amat banyak. Pelbagai faktor yang mendorong perkara ini berlaku sehinggakan ramai yang menganggur dan memilih untuk menceburi bidang lain seperti usahawan dan sebagainya. Jadi, para pelajar terutamanya mahasiswa-mahasiswi perlu bersedia dalam segala aspek sebelum menempuh alam pekerjaan.

Langkah pertama adalah dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi dengan mengambil kursus yang berkaitan dengan pekerjaan yang ingin diceburi nanti. Perkembangan institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) tidak kira awam atau swasta telah menyumbang kepada kelahiran graduan yang mampu bersaing dan bersedia untuk bekerja selepas tamat pengajian. Memiliki pengetahuan yang tinggi dalam bidang yang diceburi akan memberi kelebihan kepada para pelajar sebelum mempraktikkan secara amali teori-teori atau latihan yang dilakukan semasa dalam pengajian. IPT juga akan mengadakan latihan industri di mana pelajar akan bekerja di dalam industri berkaitan sebagai langkah persediaan sebelum tamat pengajian dan memasuki alam pekerjaan. Natiujahnya pelajar perlu mencapai keputusan yang cemerlang jika ingin bersaing dalam mencari pekerjaan yang stabil dan menjadi impian.

Seterusnya, golongan yang ingin berkecimpung dalam alam pekerjaan perlu mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi dan baik. Kemahiran komunikasi adalah seperti berhemah dalam berkata-kata, mampu menganalisis sesuatu keadaan dan cekap dalam menyelesaikan masalah yang timbul. Kemahiran ini tidak diperolehi melalui subjek di IPT tetapi ia perlu dilatih dalam diri sendiri kerana ia bergantung kepada sikap dan tindakan yang selalu diambil oleh seseorang individu dalam suatu situasi. Maka, syarikat dan jabatan pekerjaan mencari seseorang yang mahir dalam komunikasi kerana pekerjaan melibatkan sebuah organisasi yang terdiri daripada pelbagai jenis umur dan kerenah. Perwatakan yang menarik dan mampu bergaul dengan baik sesama rakan sekerja menjadi suatu ciri penting dalam mendapatkan pekerjaan.

Selain itu, para pelajar yang ingin masuk ke alam pekerjaan hendaklah bersedia dari segi fizikal dan mental. Faktor fizikal selalunya bergantung dengan bidang pekerjaan yang dipilih. Sebagai contoh juruukur dan jurutera yang memerlukan pekerja ke tapak pembinaan yang panas dibawah terik matahari untuk melakukan tugas atau pemerhatian. Dari segi mental pula, persediaan untuk berurusan dengan rakan sekerja, majikan ataupun pelanggan yang memerlukan kita untuk bersabar dan bersikap waja dalam menghadapi segala situasi demi menjaga reputasi kita agar tidak memalukan diri sendiri dan majikan kita. Seperti peribahasa Melayu, alah bisa tegal biasa yang bermaksud sesuatu pekerjaan yang sukar atau rumit untuk disempurnakan akan menjadi lebih mudah jika sering melakukannya.

Sebelum memohon suatu pekerjaan, adalah bijak untuk kita mengetahui prospek dan risiko yang diambil sekiranya kita bekerja dalam bidang tersebut. Banyak pekerjaan sebenarnya mempunyai prospek yang baik untuk masa hadapan jika kita kekal cemerlang dalam prestasi kerjaya kita. Namun begitu, terdapat juga pekerjaan yang memerlukan usaha yang lebih untuk kekal konsisten dalam memperoleh pendapatan. Sebagai contoh, usahawan yang perlu sentiasa berfikiran kritis dalam memastikan produk yang dihasilkan mendapat sambutan dan mencapai sasaran supaya mendapat keuntungan maksima dan boleh mengembangkan syarikat ke tahap yang lebih maju. Begitu juga dengan pengkarya seni yang harus konsisten dalam menghasilkan seni kreatif demi mencari hasil yang mampu menanggung kehidupan mereka kelak. Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Kesimpulannya, pelbagai langkah yang boleh diambil sebagai persediaan sebelum menempuh alam pekerjaan. Persediaan yang mapan haruslah dimulakan dengan awal agar tidak mengalami kejutan budaya yang akan memakan diri di masa hadapan. Pada zaman yang penuh persaingan ini dek kerana perkembangan jumlah manusia kita perlu berusaha dengan lebih baik dan bijak supaya mampu mencabar ekonomi negara yang tidak stabil dan merencat pertumbuhan ekonomi yang dirancang. Kita hendaklah bersikap optimis dalam mencari rezeki agar ekonomi negara terus bergerak ke hadapan dan sekaligus menjamin kenaikan taraf hidup yang lenih baik berbanding sebelumnya. Ilmu, kemahiran insaniah dan sikap positif dimiliki menjadikan seseorang itu modal insan yang berharga, ibarat mutiara yang sentiasa diburu dan bernilai tinggi biarpun berada di mana-mana juga.

6.LANGKAH-LANGKAH MEMAJUKAN MUTU SUKAN NEGARA

Sukan boleh didefinisikan sebagai segala jenis gerak badan yang memerlukan tenaga dan digunakan untuk permainan. Mutakhir ini, kita dapat melihat bahawa sukan mampu menjadi sebuah industri yang menjana ekonomi di peringkat tempatan dan juga global. Sebagai contoh, penganjuran Piala Dunia Bola Sepak 2018 di Rusia telah mendapat jumlah keuntungan sebanyak 5 billion US Dollar hasil daripada hak penyiaran dan pelbagai lagi. Namun, sebelum melihat kepada potensi sukan secara global, adakah mutu sukan negara kita berada di tahap yang membanggakan? Apakah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi memajukan mutu sukan negara?

Langkah utama dalam memajukan industri sukan tempatan adalah dengan memastikan infrastruktur sukan yang lengkap disediakan di seluruh negara. Secara asasnya, setiap aktiviti sukan memerlukan gelanggang permainan seperti padang, kolam renang dan balapan. Cuba kita lihat di kawasan berdekatan kita, adakah setiap daerah mempunyai kolam renang, padang dan balapan yang cukup sifatnya dan diselenggara dengan baik? Sekiranya tidak maka kegagalan penyediaan infrastruktur sukan yang lengkap adalah perkara yang menyumbang kepada pembantutan kemajuan sukan negara. Jika tiada infrastruktur sukan yang mudah untuk diakses oleh komuniti, maka pencarian bakat untuk atlet terbatas. Kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh bekerjasama dengan syarikat swasta bagi memastikan infrastruktur sukan dalam komuniti sentiasa ditambah baik dan diselenggara. Khidmat komuniti ini bukan sahaja menguntungkan komuniti setempat malah mampu mengangkat jenama syarikat swasta seperti CIMB Bank yang menaja industri sukan berbasikal negara.

Selain itu, mutu sukan negara boleh ditambah baik dengan mendedahkan atlet-atlet negara di peringkat antarabangsa. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Sekolah Sukan Malaysia bagi mencungkil bakat dan menghasilkan atlet professional bertaraf antarabangsa. Namun begitu, peratusan kejayaan atlet ini dilihat tidak memberansangkan. Pelbagai faktor yang menyebabkan atlet-atlet ini tidak berjaya antaranya adalah kerana kurangnya pendedahan di peringkat antarabangsa. Pendedahan di peringkat antarabangsa perlu dimulakan sejak usia muda agar mereka tidak mengalami kejutan budaya dan belajar untuk menyaingi tahap kompetitif di peringkat antarabangsa. Pelbagai inisiatif yang telah diperkenalkan dalam beberapa sukan seperti Akademi Bola Sepak Mohktar Dahari yang menganjurkan Piala Mokhtar Dahari. Penganjuran yang melibatkan pasukan daripada Jepun, China dan Eropah mampu memberikan pengalaman dan pengajaran yang berharga kepada pemain akademi yang berumur lingkungan 13 hingga 15 tahun. Maka, pendedahan yang berterusan pasti akan meningkatkan tahap prestasi atlet tempatan setaraf dengan atlet antarabangsa.

Sebagaimana yang kita maklum, setiap sukan di negara kita dinaungi oleh persatuan-persatuan sukan bagi menguruskan atlet dan perkembangan sesebuah sukan tersebut dalam negara mahupun luar negara. Tetapi kita seringkali melihat di dada akhbar dan televisyen tentang kepincangan persatuan sukan yang majoritinya dipimpin oleh ahli yang mempunyai kepentingan politik. Malangnya, para pemimpin yang dipilih secara sebulat suara ini, sering menjadikan persatuan berkenaan sebagai medan untuk mencari pengaruh dan meneruskan agenda politik mereka. Keghairahan memenuhi agenda peribadi, menyebabkan program pembangunan sukan dan atlet telah dianaktirikan oleh mereka. Justeru, sewajarnya barisan kepimpinan sukan ini dirombak dan seterusnya memberikan laluan kepada muka-muka baru yang mempunyai latar belakang dalam bidang sukan serta beriltizam tinggi untuk memajukan mutu sukan negara, bak kata peribahasa, hanya jauhari yang mengenal manikam.

Di samping itu, kemajuan sains dan teknologi hari ini juga wajar untuk diaplikasikan dalam sukan di negara kita. Kehadiran Institusi Sukan Negara adalah amat mustahak dalam menghubungkan sains dan teknologi dengan industri sukan tempatan. Tahap kompetitif sukan di peringkat antarabangsa lazimnya sukar untuk kita capai melainkan atlet tersebut mempunyai bakat yang besar. Tetapi, kita mampu membentuk atlet bertaraf antarabangsa dengan menggunakan kaedah saintifik dalam meningkatkan prestasi atlet tempatan kita. Antara kaedahnya adalah dari segi penjagaan nutrisi dan diet atlet, corak latihan dan fisioterapi yang sesuai untuk atlet agar mereka mampu menghasilkan prestasi tertinggi apabila bersaing di peringkat antarabangsa. Kemahiran ahli perubatan tempatan kita tidak wajar untuk disia-siakan dan sukan mampu menjadi cabang kepada kemajuan sains dan teknologi yang akan menaikkan nama negara di persada antarabangsa.

Tuntasnya, pelbagai langkah yang boleh digarap dalam memastikan kemajuan sukan negara meningkat dari semasa ke semasa. Kejayaan atlet-atlet seperti Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David dan Azizulhasni Awang sepatutnya membuka jalan kepada kelahiran atlet-atlet tempatan bertaraf antarabangsa yang lain. Semoga pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan sukan di negara kita tidak kira peringkat negara ataupun peringkat sekolah mampu melaksanakan tugas dengan komitmen dan dedikasi terhadap kemajuan sukan negara. Pelbagai formula dan langkah yang boleh diatur dan tidak semua berjaya untuk menghasilkan apa yang kita kehendaki tetapi sebaliknya apakah langkah seterusnya yang wajar untuk difikirkan oleh semua pihak bagi membawa sukan tempatan kita bersaing di peringkat antarabangsa.

7. USAHA MEMUPUK PERPADUAN KAUM

Negara yang mempunyai berbilang kaum sangat memerlukan usaha-usaha untuk memupuk perpaduan kaum bagi membina negara yang harmoni. Langkah-langkah mengeratkan perpaduan di antara pelbagai kaum yang ada di Malaysia ini sangat penting bagi mengelakkan berlakunya rusuhan antara kaum. Justeru, kepelbagaian kaum ini haruslah diraikan dan sebagai rakyat Malaysia, kita perlu saling tolong menolong antara kaum "bagai aur dengan tebing" untuk sama-sama hidup dalam persekitaran hidup yang sihat dan aman makmur. Menurut kata Perdana Menteri yang ke-6, hubungan

yang baik lagi erat serta rencaman sesama kaum merupakan penawar yang paling mujarab bagi menyemarakkan keakraban kaum bak kata pepatah “bulat air kerana pemetung bulat manusia kerana muafakat”. Selain itu, kekuatan atau sinergi daripada semua belah pihak diperlukan dalam berganding bahu melakukan usaha-usaha yang efektif dan proaktif bagi merealisasikan aspirasi rakyat di segenap Malaysia. Persoalannya di sini, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan serta dilaksanakan bagi memperkasakan perpaduan kaum di Malaysia?

Dalam menelusuri arus pemodenan, usaha yang lebih efisien haruslah dilakukan demi membentuk perpaduan kaum di negara Malaysia ini. Pihak kerajaan mahupun rakyat juga mempunyai peranan masing-masing di dalam merealisasikan perpaduan kaum. Usaha kerajaan dengan mengadakan Majlis Rumah Terbuka peringkat kebangsaan untuk menyambut perayaan kaum utama Malaysia adalah salah satu tindakan yang amat dialu-alukan. Menurut mantan Perdana Menteri Malaysia sebelum ini, konsep 1 Malaysia (perpaduan kaum) dapat dijayakan melalui majlis-majlis sebegini. Menganjurkan majlis rumah terbuka Semasa kerajaan mengadakan majlis rumah terbuka, seluruh rakyat negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum memberi komitmen yang tinggi. Mereka menghadirkan diri dan berhubung dengan satu sama lain dengan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang. Interaksi antara kaum dalam majlis sebegini dapat memperkasakan hubungan antara kaum di Malaysia. Tuntasnya, kemajuan negara kita bergantung kepada perpaduan kaum seperti kata pepatah “bersatu teguh, bercerai roboh”. Perpaduan kaum juga dapat dipupuk melalui aktiviti kemasyarakatan yang memerlukan setiap kaum mengambil bahagian dalam setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Aktiviti-aktiviti yang boleh memperteguh jalinan kemesraan sesama kita harus diadakan seperti aktiviti gotong-royong yang memerlukan kerjasama setiap pihak dalam masyarakat. Ianya agar semangat perpaduan secara maksimum dapat dilahirkan dalam diri rakyat Malaysia. Semestinya, aktiviti kemasyarakatan sebegini dapat memupuk semangat perpaduan yang perlu ada dalam diri setiap rakyat dan juga boleh menjadi wadah yang terbaik seiring dengan hasrat negara untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu biarpun berlainan bangsa mahupun agama. Sambutan Hari Keluarga Sambutan Hari Ibu Sambutan Hari Bapa Sambutan Hari Perayaan Jelaslah bahawa usaha-usaha dalam membentuk perpaduan kaum di Malaysia boleh direalisasikan dengan pelbagai program yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan dan masyarakat setempat yang berpotensi untuk memperkasakan hubungan antara kaum di negara kita ini.

Melaksanakan sekolah wawasan Sehubungan dengan itu, sistem pendidikan merupakan satu jalan komunikasi yang mudah untuk merealisasikan hasrat ini. Dengan pengenalan satu sistem pendidikan yang sama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), ianya telah mewujudkan perpaduan kaum secara tidak langsung. Selain itu, terdapat sekolah wawasan yang menempatkan tiga jenis sekolah iaitu:- Sekolah Kebangsaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Melalui pelaksanaan sekolah wawasan ini, ianya juga dapat mempercepatkan proses perpaduan kaum. Sebagai contoh aktiviti berkumpul sekolah yang dijalankan secara teratur bersama murid-murid dapat memperkasa hubungan kaum di peringkat antara sekolah. Penggunaan serta penerapan bahasa rasmi negara kita iaitu bahasa Malaysia sebagai bahasa perantaraan di sekolah-sekolah kebangsaan turut membolehkan pelbagai kaum berinteraksi antara satu sama lain. Sewajarnya, memang tidak boleh kita nafikan bahawa sistem pendidikan negara kita merupakan pemangkin dalam proses memperkasa hubungan sesama kaum. Dari perspektif yang lain, penerapan nilai-nilai budaya dan warisan juga merupakan salah satu langkah dalam mendekati matlamat dan harapan para pemimpin kita untuk mencapai perpaduan kaum.

Penerapan nilai-nilai budaya dan warisan dalam aktiviti harian negara kita terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India yang merupakan kaum utama di Malaysia. Dengan itu, rakyat boleh mengaplikasikan dan berkongsi budaya kaum mereka itu sendiri dengan kaum lain dari aspek seperti:- Pemakanan Pemakaian Peradaban Sebagai contoh yang kita boleh lihat telah pun

dijalankan oleh rakyat Malaysia antaranya adalah seperti:- Semakin ramai wanita bukan Melayu yang memakai baju tradisional orang Melayu iaitu baju kurung ke majlis-majlis mahupun ke kuliah di universiti. Makanan India seperti roti canai dan tosei juga semakin diminati oleh kaum-kaum yang lain. Memperkenalkan adab-adab orang Melayu kepada kaum Cina dan India atau sebaliknya di antara kaum-kaum tersebut iaitu dengan lebih jelas melalui perkongsian peradaban di sambutan hari perayaan kaum masing-masing. Oleh itu, penerapan nilai-nilai budaya dan warisan berbilang kaum ini dapat menimbulkan rasa hormat antara satu sama lain dan seterusnya mengeratkan lagi perpaduan kaum dalam negara.

Program Kenegaraan seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Jika perkara ini diteliti dengan lebih lanjut, sebelum ini kerajaan telah mewajibkan remaja yang berumur 17 tahun ke atas untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Modul kenegaraan PLKN sememangnya bertujuan untuk melahirkan semangat perpaduan dalam sanubari remaja daripada masyarakat majmuk yang bakal menjadi pemimpin negara satu masa nanti. Selaras dengan modul kenegaraan yang dijalankan, para remaja berbilang kaum berpeluang untuk bekerjasama dalam pelbagai aktiviti seperti peribahasa “bagai aur dengan tebing”. Justeru, perpaduan dapat disemai melalui aktiviti-aktiviti berkumpulan tersebut. Sememangnya, tidak dapat disangkal lagi bahawa PLKN turut memainkan peranan dominan dalam iltizam membentuk perpaduan kaum. Sebagai konklusinya, dapatlah disimpulkan bahawa keamanan dan kemakmuran sesebuah negara perlulah bergantung kepada perpaduan kaum seluruh rakyatnya.

Intihanya, pelbagai pihak harus bergerak sekali seia sekata bersama iltizam mencapai hasrat keharmonian dan perpaduan negara seperti kata pepatah “bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat”. Perpaduan kaum merupakan suatu misi yang amat penting agar Malaysia dapat mengorak langkah menuju ke arah pembentukan negara bangsa dan menjadi sebuah negara yang mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara maju yang lain. Oleh yang demikian, rakyat itu sendiri adalah aset negara yang paling penting lagi bernilai dalam pembinaan negara yang berbilang kaum demi visi negara tercinta.

8.KEPENTINGAN SEKTOR PELANCONGAN KEPADA EKONOMI NEGARA.

Industri pelancongan merupakan antara sektor utama dalam ekonomi negara Malaysia. Pembukaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) serta penganjuran Sukan Komanwel pada tahun 1998 telah membuka mata dunia terhadap negara Malaysia. Sejak dari tahun itu, kerajaan Malaysia bersama-sama sektor swasta telah menyemarakkan industri pelancongan negara dengan jayanya. Kedudukan Malaysia yang terletak di garisan khatulistiwa dan beriklim panas dan lembap telah membentuk pelbagai kekayaan alam semulajadi yang menjadi penarik utama para pelancong. Daripada puncak Gunung Kinabalu kepada keindahan terumbu karang di Pulau Tioman, Malaysia menerima kunjungan yang amat ramai saban tahun, maka adalah penting untuk mengekalkan konsistensi dalam pembangunan dan pelaksanaan industri pelancongan negara.

Antara kepentingan ulung industri pelancongan adalah ekonomi. Ekonomi negara bergantung kepada industri pelancongan. Sebagai contoh, sosio-ekonomi di luar bandar dapat berkembang apabila mendapat peluang pekerjaan seperti pemandu pelancong atau membuka rumah inap dan restoran untuk menampung kehadiran pelancong. Dalam kawasan bandar pula, pelancongan kesihatan dapat dijana oleh hospital-hospital swasta sekaligus menambah bilangan pengunjung dan hotel di kawasan sekitar. Hal ini kerana perkhidmatan kesihatan di negara adalah berpatutan berbanding di negara asal pelancong dan mereka melakukan aktiviti pelancongan kesihatan untuk menjimatkan kos perkhidmatan yang mereka inginkan.

Selain itu, industri pelancongan secara tidak langsung telah menggalakkan penambah-baikkan infrastruktur di dalam negara kita di mana rakyat juga mendapat tempas manfaatnya. Hari ini, hampir setiap negeri sudah mempunyai lapangan terbang dan beberapa diantaranya menawarkan penerbangan antarabangsa seperti di Lapangan Antarabangsa Langkawi. Pelancong mendapat akses yang mudah untuk ke tempat yang ditujui tanpa perlu mengharungi perjalanan yang jauh seperti dahulu kala. Infrastruktur seperti jalan raya dan pengangkutan awam juga menjadi semakin baik apabila

kawasan luar bandar yang mempunyai kawasan tarikan pelancong seperti pantai atau air terjun dan gua memerlukan tahap ketersampaian oleh pelancong-pelancong.

Kepentingan industri pelancongan yang lain adalah keunikan budaya dan alam semula jadi negara dapat dikongsi serta dihargai. Eko-pelancongan merupakan antara pendekatan yang berjaya dan diraikan oleh semua dimana pelancong akan melawat kawasan-kawasan semula jadi seperti Taman Negara Endau- Rompin dan Taman Laut Terengganu di samping usaha pemeliharaan kawasan tersebut berjalan seiring. Pelancong dapat menyaksikan pusat konservasi gajah atau menikmati keindahan hidupan laut dengan menyelam di sekitar pulau-pulau di Malaysia. Seperti peribahasa Melayu berkata, "Yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran" yang bermaksud kita perlulah menyelaraskan usaha pembangunan seiring dengan memelihara apa yang kita miliki.

Tambahan pula, industri pelancongan telah menarik pelbagai pelabur asing untuk melabur di dalam negara kita. Antaranya adalah dari segi hospitaliti dimana pelabur berminat untuk mengusahakan hotel, pusat membeli belah dan juga membina taman tema. Sebagai contoh, pembukaan Legoland di negeri Johor telah menarik minat ramai pelancong terutamanya dari negara luar kerana ia merupakan taman tema berjenama Lego yang pertama di Asia tenggara. Kehadiran pelabur asing dapat membantu kerajaan mengurangkan kos yang digunakan dalam sektor pelancongan sekaligus memberi lebih faedah kepada rakyat dan negara khususnya.

Konklusinya, pelbagai manfaat dapat dinikmati oleh rakyat serta negara sekiranya industri pelancongan di Malaysia berjaya dan diuruskan dengan efisien. Justeru, penggubal undang-undang dan polisi negara seharusnya menyusun rangka terbaik dalam membentuk formula dalam industri pelancongan negara supaya dapat memberi pulangan maksimum kepada rakyat dan negara. Industri pelancongan adalah industri yang sihat dan wajar untuk diteruskan dan disandarkan pada ekonomi negara sekiranya diurus dengan baik. Maka, promosi pelancongan negara perlu dilaksanakan dengan lebih jitu dan berkesan agar seluruh pelosok dunia tahu dan berminat untuk melawat negara kita suatu hari nanti bak kata pepatah, "tidak kenal maka tidak cinta" yang bermaksud kita perlulah memperkenalkan negara kita sehingga perasaan minat dan cinta akan Malaysia itu timbul kelak.

9. KEPENTINGAN SEKTOR PERTANIAN DI MALAYSIA (KELEBIHAN/ KEBAIKAN)

Kekayaan khazanah alam semula jadi dan selamat daripada ancaman bencana alam yang teruk seperti gempa bumi merupakan satu anugerah kepada tanah air kita. Sebelum zaman modenisasi tiba, sektor pertanian menjadi antara penyumbang utama ekonomi negara. Tanaman sawit dan getah yang dikomersialkan telah berkembang dan menjadi bekalan eksport utama negara ke negara-negara asing. Beberapa tahun kemudian, dasar ekonomi negara berubah dan memfokuskan pembangunan berdasarkan perindustrian. Kesannya, sektor pertanian negara kekal ditakuk lama dan tidak berkembang seiring dengan kemajuan teknologi dan sains. Oleh yang demikian, wajar untuk kita bincangkan kepentingan sektor pertanian di Malaysia agar sektor ini mendapat perhatian yang sebaiknya dan memanfaatkan masyarakat secara amnya.

Sektor pertanian yang merangkumi perladangan dan penternakan adalah penting untuk menjamin bekalan makanan negara yang cukup untuk anggota masyarakat. Untuk pengetahuan semua, negara kita masih bergantung kepada bekalan makanan yang diimport dari negara luar sedangkan kita mempunyai kepakaran dan tenaga kerja untuk menghasilkan bekalan makanan tersebut secara domestik. Usaha ini penting bagi mengelakkan rantai bekalan makanan untuk rakyat kita terputus apabila berlaku sesuatu seperti peperangan. Kenaikan harga barang yang berlaku ketika ini juga dapat dibendung kerana kita mempunyai stok simpanan yang boleh melawan inflasi yang berlaku secara global. Pembuat polisi negara harus bertindak untuk meningkatkan penghasilan sumber makanan terutamanya makanan ruji rakyat Malaysia iaitu beras, daging ayam dan lembu.

Tegasnya, sektor pertanian negara penting untuk menjamin bekalan makanan negara agar tidak menjadi seperti pepatah, kera dihutan disusukan, anak di rumah kelaparan.

Pada masa yang sama, sektor pertanian negara penting untuk membangunkan kawasan-kawasan pedalaman di Malaysia. Kawasan luar bandar sukar untuk dibangunkan kerana terdapat faktor geografi yang tidak sesuai seperti bukit-bukau dan gunung-ganang. Tetapi ia berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan perladangan dan penternakan. Idea ini telah pun dilaksanakan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-2, Tun Abdul Razak yang memperkenalkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau lebih dinekahi sebagai FELDA. Apabila kawasan pertanian dibangunkan, infrastruktur lain akan turut dimajukan seperti jalan raya dan rangkaian telekomunikasi. Secara tidak langsung, infrastruktur di kawasan pedalaman menerima impak kemajuan yang merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar. Perbezaan bagai bumi dengan langit dapat dihapuskan sekiranya pengurusan pembangunan kawasan pertanian di luar bandar dilaksanakan dengan baik sekaligus mencerminkan kepentingan sektor pertanian dalam negara.

Sehubungan dengan kepentingan di atas, peluang pekerjaan akan terbuka dan mampu membantu masyarakat tempatan untuk meningkatkan tahap sara hidup diri dan keluarga. Masyarakat kita kadang kala terikat dengan stigma bahawa pertanian merupakan kerja kampung dan tidak professional berbanding bekerja di dalam pejabat yang mempunyai penyaman udara. Pihak kerajaan yang mempunyai pelbagai agendi dan jabatan di peringkat negeri seharusnya memainkan peranan masing-masing dalam mendidik dan membuka peluang kepada masyarakat tempatan untuk menceburi bidang pertanian. Dengan bimbingan dan bantuan daripada pakar, kita mampu menghasilkan petani atau peladang yang berjaya menghasilkan bekalan untuk pasaran domestik tetapi juga untuk dieksport ke luar negara. Sebagai contoh, seorang graduan jurutera yang mengusahakan tanaman melon manis di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Peradong, Terengganu, berjaya memperoleh sehingga RM30,000 semusim. Intihannya, sektor pertanian berpotensi membuka peluang pekerjaan dan memberikan pulangan yang lumayan ibarat di mana ada gula, disitu pasti ada semut.

Akhir sekali, kepentingan sektor pertanian di Malaysia adalah untuk meningkatkan pendapatan dan ekonomi negara. Seiring dengan sektor lain seperti perindustrian dan pembangunan, sektor pertanian negara juga wajar diberikan perhatian dan insentif yang sepatutnya. Kesimbangan kemajuan dalam pelbagai industri dalam negara akan membuatkan kita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain. Tamsilnya di negara Jepun dan Korea Selatan yang memastikan setiap industri seperti pertanian, teknologi, perindustrian dan pelancongan dibangunkan bersama-sama dan meningkatkan imej negara mereka ke tahap yang lebih tinggi. Selepas usaha untuk memastikan bekalan makanan negara cukup untuk menampung keperluan domestik, sektor pertanian kita perlu mengorak langkah untuk mengeksport hasil keluar negara. Seiring dengan wawasan untuk menjadikan negara sebagai hab utama makanan halal dunia, kita seharusnya mampu mengeluarkan produk atau hasil pertanian yang halal dan mencapai piawai yang ditetapkan di seluruh dunia. Izharnya, sektor pertanian penting untuk menjana pendapatan negara disamping sektor-sektor lain yang menjadi pemangkin ekonomi negara.

Tuntasnya, banyak kepentingan yang dimiliki dan berpotensi dalam sektor pertanian di Malaysia. Lain dahulu lain sekarang merupakan perumpamaan yang sesuai untuk memberikan gambaran kepada potensi sektor pertanian di Malaysia. Hal ini kerana kemudahan infrastruktur, kepakaran tenaga kerja, iklim dan tanah yang sesuai merupakan kelebihan yang kita punyai untuk menjayakan apa sahaja aktiviti pertanian di negara ini. Justeru, setiap pihak harus memainkan peranan dan obligasi untuk memastikan matlamat memajukan sektor pertanian negara dapat dicapai dan hasilnya dinikmati bersama. Semoga sektor ini tidak lagi dipandang enteng dan perubahan bermula daripada sekarang demi kemaslahatan generasi masa hadapan.

10. USAHA-USAHA MENGGALAKKAN GOLONGAN MUDA MENCEBURI BIDANG PERTANIAN

Ramai antara kita berpendapat bahawa kemajuan sesebuah negara diukur dengan kemajuan ekonomi serta pembangunan dalam negara tersebut. Negara yang mempunyai bangunan pencakar langit, jaringan pengangkutan yang canggih serta pengaplikasian teknologi dalam kalangan masyarakat sering menjadi perbandingan antara negara maju dan negara membangun. Tidak terkecuali, negara kita juga memfokuskan kemajuan pembangunan untuk bersaing di peringkat global sehingga menganak tirikan salah satu sektor utama ekonomi negara pada masa dahulu iaitu sektor pertanian. Ibarat peribahasa Melayu, yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran. Oleh yang demikian, inisiatif yang seimbang untuk memajukan semua sektor terutamanya pertanian perlu dilaksanakan supaya membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak muda. Mari kita bincangkan apakah usaha untuk menggalakkan golongan muda menceburi bidang pertanian?

Langkah pertama dalam menggalakkan golongan muda untuk menceburi bidang pertanian adalah dengan meningkatkan kemajuan sektor pertanian negara. Saban tahun, pemimpin negara lebih memfokuskan kemajuan berasaskan pembangunan infrastruktur sehingga tanah yang digazetkan sebagai tanah pertanian ditukar menjadi tanah komersial. Tindakan yang hanya menguntungkan beberapa pihak ini wajar dihentikan dan satu visi yang jelas perlu diperjuangkan untuk kepentingan sektor pertanian negara. Apabila pihak berkuasa membawa sebuah visi untuk meningkatkan sektor pertanian negara, pasti ia dapat menarik minat pemuda-pemudi untuk menceburi bidang ini kerana pelabur akan datang serta peluang pekerjaan akan meluas. Polisi atau dasar seperti menggalakkan penggunaan teknologi dron dalam pertanian adalah salah satu contoh mudah untuk menarik minat golongan muda. Tegasnya, golongan muda akan tertarik untuk menyertai bidang pertanian jika pemimpin negara mempunyai kehendak yang jelas dalam memajukan sektor pertanian di tanah air kita.

Usaha lain yang boleh dilaksanakan untuk menarik minat anak watan terhadap bidang pertanian adalah dengan menambah baik institusi pendidikan dalam sektor pertanian. Setakat ini, institusi pendidikan yang khusus untuk pertanian hanya terdapat satu di peringkat menengah atas iaitu di kolej vokasional dan di universiti awam. Pendedahan yang lewat ini sebenarnya menyumbang kepada faktor kurangnya minat golongan muda dalam bidang pertanian. Selain memperbanyakkan institusi pendidikan berkaitan pertanian, kursus atau bengkel kemahiran pertanian perlu dilaksanakan dengan lebih menarik. Agensi kerajaan yang bertanggungjawab menganjurkan aktiviti ini boleh menggunakan media sosial untuk menunjukkan potensi sektor pertanian masa kini dan kaedah terbaru yang digunakan dalam bidang pertanian. Sekiranya pendidikan mengenai sektor pertanian ini diterima dengan jelas oleh segenap ahli masyarakat terutamanya golongan muda, ia seharusnya dapat memupuk minat dalam diri mereka untuk menceburi pertanian suatu hari nanti.

Pada masa yang sama, agensi kerajaan boleh memainkan peranan dengan memudahkan urusan pembukaan ladang pertanian dan pemberian insentif kepada petani-petani muda. Insentif seperti geran bantuan daripada kerajaan dapat membantu golongan muda untuk mendapatkan modal permulaan kepada perusahaan pertanian mereka. Inisiatif seperti pengenalan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) oleh Jabatan Pertanian membolehkan golongan muda untuk mendapatkan tanah untuk bertani. Tambahan pula, subsidi yang diberikan kepada petani untuk mendapatkan benih atau baja misalnya dapat juga mengurangkan kos permulaan bagi golongan petani muda. Namun, selepas mendapat keuntungan mereka tidak seharusnya bergantung kepada subsidi yang diberikan kerana ia membuka peluang kepada petani muda lain untuk turut berkecimpung dalam industri ini. Persis kata peribahasa, di mana ada gula, di situ ada semut. Jika sektor pertanian mampu menunjukkan bukti bahawa anak muda boleh menjana kewangan yang stabil dan lumayan, minat tersebut bukan sahaja datang dari golongan muda malah golongan tua juga.

Akhir sekali, inisiatif untuk menarik minat golongan pemuda menyertai bidang pertanian adalah bermula daripada galakan ibu dan bapa di rumah. Melentur buluh, biarlah dari rebungunya. Peribahasa yang jelas menunjukkan pembentukan keperibadian seseorang mestilah bermula sejak mereka kecil. Maka penting untuk ibu dan bapa menjalankan tanggungjawab menjadi seorang tauladan yang baik

dan memberikan pendedahan yang secukupnya untuk anak-anak dalam sektor pertanian. Ibu dan bapa boleh membawa anak-anak mengunjungi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) yang diadakan setiap dua tahun sekali. Di pameran tersebut, anak-anak akan terdedah kepada semua sektor yang terlibat dalam bidang pertanian dan membuka mata serta minat mereka terhadap bidang tersebut.

Tuntasnya, jika anak-anak muda didedahkan kepada bidang pertanian sejak usia muda, mereka pasti dapat memupuk semangat untuk cinta terhadap pertanian. Penutup Kesimpulan daripada perbincangan di atas, banyak usaha yang boleh dilaksanakan untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian. Stigma masyarakat yang melabel kerja petani sebagai pekerjaan kampung dan tidak berpendidikan tinggi wajar diubah. Kini terdapat petani yang berusaha dari bawah sehingga dapat menghasilkan pendapatan sehingga lima angka sebulan. Kita hanya perlu meluaskan horizon pemikiran dan berusaha sehingga mencapai tahap yang diinginkan. Pihak kerajaan pula berperanan untuk memastikan setiap agensi bekerjasama untuk meningkatkan sektor ekonomi negara serta mendengar masalah yang dihadapi oleh petani. Semua pihak yang menjalankan perihal masing-masing akan menyumbang kepada kemajuan sektor pertanian negara sekali gus menarik minat golongan muda untuk berkecimpung dalam industri pertanian.

11. LANGKAH-LANGKAH MENGATASI JENAYAH SIBER (CARA MENANGANI)

Isu jenayah siber kian membarah dewasa ini. Kes penipuan wang dan kecurian data peribadi merupakan antara kejadian yang diklasifikasikan sebagai jenayah siber. Ia adalah kerana kejadian jenayah tersebut dilakukan menerusi penggunaan gajet elektronik dan internet tersebut. Kita boleh lihat di kaca televisyen dan dada-dada akhbar tentang kerugian mangsa jenayah siber telah mengakibatkan mereka kerugian beratus-ribu ringgit. Sikap tidak beretika dan jahat golongan pelaku jenayah siber ini sewajarnya dibendung sebelum ia meruntuhkan institusi teknologi yang menjadi kegunaan harian yang wajib oleh segenap manusia. Oleh itu, kita seharusnya kenal pasti langkah-langkah yang boleh dijalankan untuk mengatasi jenayah siber daripada terus menular dan merugikan kita.

Memberikan kesedaran melalui kempen dan iklan Langkah pertama untuk menangani jenayah siber adalah dengan memberikan kesedaran kepada masyarakat akan ancaman sebenar jenayah siber yang boleh memudaratkan kehidupan mangsa. Kempen melalui iklan di media cetak mahupun digital perlu diperluaskan dan mencapai seluruh ahli masyarakat terutamanya yang mempunyai pengetahuan cetek akan penggunaan teknologi hari ini. Pelbagai taktik yang licik digunakan penjenayah siber untuk memerangkap mangsa oleh itu, pengasimilasi dalam iklan dan kempen yang dijalankan adalah perlu supaya masyarakat betul-betul memahami dan mengambil serius akan langkah keselamatan apabila menggunakan aplikasi-aplikasi di telefon pintar masing-masing. Masyarakat juga perlu bersikap inteligensia dan madani dalam menggunakan aplikasi teknologi hari ini dan peka akan taktik-taktik baru yang digunakan penjenayah siber. Setiap input atau masalah yang berkaitan dengan jenayah siber hendaklah dikongsikan agar ia menjadi rujukan kepada golongan yang pakar dalam memastikan perkara yang telah berlaku tidak berulang serta mengenal pasti potensi ancaman keselamatan siber.

Mengkaji dan mewujudkan undang-undang siber Langkah seterusnya adalah pihak berkuasa seharusnya mengkaji dan memperkenalkan undang-undang yang mampu menghalang jenayah siber ini berlaku dalam negara kita. Isu keselamatan siber semakin menjadi topik tumpuan dalam konfederasi malah perbincangan antara masyarakat dalam media sosial. Maka, pihak kerajaan seharusnya mengumpulkan pakar-pakar teknologi dalam memanifestasikan fikiran agar sebuah rangka undang-undang dapat diwujudkan dalam mencegah jenayah siber. Ahli masyarakat pula harus melakukan laporan kepada pihak yang berkenaan sekiranya terbabit atau melihat sebarang kegiatan yang meragukan dan melibatkan jenayah siber agar penjenayah tersebut boleh didakwa dan dikenakan tindakan yang tegas. Tambahan pula, laman-laman sesawang kerajaan menghadapi ancaman yang besar daripada perlakuan jenayah siber ini dan pihak kerajaan seharusnya sedar dan menjadi organisasi utama yang membina laman sesawang atau aplikasi teknologi yang selamat untuk

digunakan dan bebas daripada risiko jenayah. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) yang ditubuhkan pada 1998 perlu diperkasakan agar keselamatan siber dalam negara dapat dijamin sekaligus menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam negara dan menarik pelabur asing yang berasa selamat untuk menggunakan infrastuktur yang berteknologi tinggi yang kita tawarkan.

Memperkenalkan pendidikan etika dalam penggunaan siber Selain itu, kita juga sepatutnya memperkenalkan pendidikan etika dalam penggunaan teknologi pada setiap institusi pendidikan hari ini. Hampir setiap golongan masyarakat mempunyai gajet atau telefon pintar sebagai kegunaan harian tetapi etika dan cara penggunaannya tidak dididik dengan betul. Justeru, institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti adalah tempat permulaan dalam membentuk generasi yang berilmu pengetahuan dan mampu menjadi pengubah masyarakat. Pengetahuan seperti tidak membuka emel atau pautan yang meragukan dan tidak sah serta tidak tertipu dengan panggilan telefon yang menyuruh kita memindahkan wang tanpa hitam putih perlu diajar kepada kanak-kanak dan golongan remaja. Hal ini kerana mereka mudah dipengaruhi dan digunakan oleh penjenayah siber dalam mencari keuntungan bak peribahasa Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Sekiranya pendidikan etika ini berjaya dilaksanakan, pihak kerajaan pula perlu membuat pendidikan atau modul pembelajaran kepada setiap agensi kerajaan seterusnya menjadi model kepada sektor swasta dalam mendidik setiap pekerja akan kepentingan keselamatan siber supaya terhindar daripada sebarang jenayah.

Bekerjasama secara multilateral dalam membanteras jenayah siber Akhir sekali, isu jenayah siber merupakan polemik antarabangsa kerana ia melibatkan banyak negara. Mustahak untuk pihak kerajaan mengukuhkan hubungan multilateral dengan negara-negara lain dalam mengatasi masalah jenayah siber ini. Hal ini akan membantu kerajaan untuk meningkatkan keupayaan dalam memastikan keselamatan siber dalam negara setanding dengan negara maju yang lain. Kerjasama dalam perkongsian maklumat dan pakar teknologi juga boleh direalisasikan agar kita sentiasa bersiap sedia menghadapi ancaman musuh jenayah siber. Misalnya, berlaku transaksi wang yang meragukan di luar negara dan negara tersebut bertindak melaporkan kepada negara yang terkesan maka, penggubahan wang haram dapat dikesan dan seterusnya menangkap penjenayah yang melakukan korupsi di luar negara bagi mengelak tindakan pihak berkuasa tempatan. Senario ini persis dengan peribahasa Melayu, yakni berat sama dipikul, ringan sama dijinjing yang boleh didefinisikan apabila kita bermuafakat dalam menyelesaikan sesuatu perkara sudah pasti kebaikan bersama akan diperolehi tetapi jikaseblihnya hanya kerugian akan kita dapat.

Konklusinya, pelbagai langkah boleh dilaksanakan setiap pihak bagi mengatasi kes-kes jenayah siber hari ini. Tiada jalan pintas dalam menangani ancaman jenayah siber. Tindakan yang terbaik ialah setiap individu memainkan peranan masing-masing dalam lingkungan kuasa dan kemampuan yang ada. Pihak pengurusan atasan syarikat atau organisasi perlulah menangani risiko ancaman siber dari perspektif yang menyeluruh serta mengeluarkan polisi-polisi yang berkesan untuk diikuti oleh pekerja syarikat. Masyarakat juga perlu cakna terhadap segala inisiatif yang akan memastikan keselamatan siber diaplikasikan di setiap sudut penggunaan teknologi harian kita. Elakkan sikap apati dan tidak peduli apabila seseorang individu menegur atau menasihati kita akan kesalahan yang kita lakukan. Semoga masyarakat kita terhindar daripada salah laku siber dan bebas daripada jenayah siber sekaligus menjamin keselamatan dan keamanan negara yang telah kita kecapai hari ini.

12.CARA MEMUPUK SEMANGAT KEJIRANAN

Dalam mendepani era modenisasi pada abad-21 kini, dunia menyaksikan iktisad (**ekonomi**) negara membangun seperti *cendawan tumbuh selepas hujan*. Negara yang semakin pesat membangun seperti *tenggelam sama basah, timbul sama hanyut* seiringan dengan negara maju lain. Namun begitu, isu memupuk semangat keajiranan masih menjadi polemik (**perdebatan**) dalam kalangan marhaen (**golongan bawahan**) di Malaysia. Dewasa ini, semangat keajiranan dalam kalangan masyarakat kita semakin hari semakin terpinggir. Masyarakat pada hari ini lebih mementingkan diri

sendiri dan membudayakan hidup bagai *enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing*. Dari segi konsepnya semangat kejiranan boleh ditakrifkan sebagai suatu perasaan yang harus dipupuk oleh setiap masyarakat di Malaysia tanpa mengira warna kulit bangsa dan agama dalam usaha untuk mengukuhkan perpaduan kaum demi negara yang tercinta. Biasanya semangat kejiranan merangkumi semua lapisan masyarakat tidak kira muda ataupun tua yang perlu kita amalkan. Menurut Dato' Dr. Fadzillah Kamsah jiran merupakan orang yang tinggal di sekeliling kita sama ada di depan, belakang, kiri, atau pun kanan dan merupakan orang pertama yang membantu kita ketika kita berada dalam kesusahan. Hal ini boleh dianalogikan seperti awan yang melindungi bumi daripada cahaya matahari. Oleh itu, langkah yang signifikan (**bermakna/penting**) harus diambil bagi menerapkan semangat kejiranan kepada semua lapisan masyarakat.

Cara yang afdal (**utama**) untuk memupuk semangat kejiranan ialah ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa merupakan guru pertama dan guru terbaik kepada anak-anak. Jika ibu bapa menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak maka mereka akan mencontohi teladan yang ditunjukkan kerana *bagaimana acuan begitulah kuihnya*. Sekiranya ibu bapa menunjukkan suri teladan yang buruk kepada anak-anak maka mereka akan menjadi anak-anak yang jahat malah lebih teruk lagi. Hal ini boleh dianalogikan seperti anak burung yang baru belajar terbang daripada ibunya. Sebagai contoh, ibu bapa haruslah mengunjungi atau menziarahi jiran tetangga walaupun mereka berada dalam keadaan yang baik atau tidak. Selain itu, ibu bapa haruslah tidak sombong dengan jiran dan sering bertegur-sapa agar dapat memupuk semangat kejiranan. Kesannya, semangat kejiranan dapat dipupuk antara jiran dalam kalangan anak-anak dan ibu bapa sekali gus dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni. Sekiranya cara memupuk semangat kejiranan dapat dipupuk oleh ibu bapa maka negara dapat melahirkan generasi yang bijaksana dan bekerjasama dalam mentadbir membangunkan negara ke arah kemajuan negara pada masa akan datang. Tegasnya, contoh teladan yang terbaik daripada ibu bapa mampu memupuk semangat kejiranan dalam kalangan anak-anak.

Bertitik tolak daripada itu, minhaj (**cara**) untuk memupuk semangat kejiranan dalam masyarakat setempat di Malaysia ialah program rukun tetangga di kawasan perumahan mesti dihidupkan semula. Hal ini dikatakan demikian kerana program rukun tetangga berfungsi sebagai perisai untuk mengawal keselamatan kawasan perumahan terutama pada malam hari. Anggotanya membabitkan semua pihak tanpa mengira kaum kerana masing-masing bertanggungjawab menjaga keselamatan sendiri dan keluarga. Sebagai contohnya, anggota rukun tetangga akan bergilir-gilir bertugas meronda kawasan tanpa mengira usia, agama dan status. Secara ghalibnya (**lazimnya**), senario ini akan mewujudkan jalinan hubungan yang mesra *bagai isi dengan kuku* sekali gus memupuk semangat kejiranan yang hakiki (**sebenar**). Menurut Tun Dr. Mahathir, jiran yang muafakat akan membentuk masyarakat yang harmoni. Oleh itu, kita perlu mengaktifkan program rukun tetangga bagi melahirkan semangat kejiranan yang utuh dan bersatu padu.

Meninjau dari skop yang lain, langkah yang seterusnya adalah dengan mengadakan aktiviti gotong-royong. Melalui aktiviti gotong-royong, jiran dapat berkumpul dan bekerjasama sambil berbincang tentang aktiviti yang akan dilakukan. Sebagai contoh, aktiviti yang boleh diadakan secara bergotong-royong adalah seperti membersihkan kawasan taman, menyediakan hidangan untuk kenduri-kendara dan sebagainya. Apabila berkumpul dan berbincang, mereka akan dapat berkenalan antara satu dengan yang lain yang sekali gus membolehkan seseorang itu mengenal hati budi jiran mereka dengan lebih dekat. Hal ini dapat digambarkan melalui pepatah Melayu yang mengatakan bahawa *tak kenal maka tak cinta*. Selepas mengenali hati budi antara satu sama lain barulah benih-benih kasih sayang. Melalui cara ini, masyarakat yang penyayang dapat dilahirkan di samping dapat menerapkan pelbagai nilai murni. Tun Dr. Mahathir, Mantan Perdana Menteri pernah menegaskan bahawa dengan melibatkan diri dalam kegiatan bergotong-royong, kita berupaya menerapkan pelbagai nilai murni dalam diri. Bukan itu sahaja, kawasan kediaman juga akan menjadi bersih dan terpelihara daripada penyakit demam denggi. Jelaslah bahawa aktiviti gotong-royong dapat memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat.

Jika dilihat dari perspektif yang lain, kita juga hendaklah mengadakan majlis-majlis rumah terbuka semasa sesuatu sambutan perayaan. Amalan ini dapat membentuk ikatan silaturahim dan memperkukuh semangat kejiranan dalam kalangan jiran setempat. Melalui acara rumah terbuka, jiran

dapat bertanyakan khabar dan bercerita tentang pengalaman masing-masing dengan lebih dekat. Seterusnya, melalui majlis rumah terbuka ini, semua ahli dalam masyarakat berpeluang untuk berkumpul dan berbincang sambil menikmati juadah yang disediakan oleh tuan rumah. Sebagai contoh, semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Krismas, Deepavali, dan sebagainya majlis-majlis rumah terbuka hendaklah dijadikan acara tahunan. Maka, dengan adanya pengimplimentasian program seperti “Rumah Terbuka Kebangsaan” bagi setiap sambutan perayaan, rakyat dapat diterapkan dengan nilai hormat-menghormati dan sayang-menyayangi antara satu sama lain ibarat kata bidalan, “serumpun seperti serai, seikat seperti sirih”. Hal ini dikuatkan lagi dengan kajian dari Universiti Sains Malaysia yang menunjukkan keberhasilan penganjuran program “Rumah Terbuka Kebangsaan” dalam mewujudkan institusi kejiranan yang kukuh di sembilan buah kawasan perumahan di sekitar Pulau Pinang. Pendek kata, majlis rumah terbuka mampu mengeratkan hubungan kejiranan dan memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat.

Lontaran idea yang seterusnya ialah kita mestilah menyemarakkan budaya kunjung-mengunjungi dalam kalangan rakyat sebagai langkah untuk memupuk dan mengekalkan semangat kejiranan. Dalam hidup bermasyarakat, kita digalakkan menziarahi jiran kita. Melalui aktiviti ini, kita akan mengetahui masalah dan kesusahan yang dialami oleh jiran kita. Sebagai contoh, kita perlu berkunjung ke hospital jika kita mendapat berita bahawa jiran kita dimasukkan ke hospital kerana menghidap sesuatu penyakit atau kemalangan. Walaupun pepatah Melayu ada mengatakan bahawa *berat mata memandang berat lagi bahu memikulnya*, namun sebagai jiran, kita mestilah berpegang pada prinsip *cubit paha kiri, paha kanan terasa juga*. Maksudnya ialah jika kita mempunyai semangat kejiranan yang tinggi, kita akan dapat merasai segala kesusahan dan keperitan yang dialami oleh jiran kita. Dengan ini, kita dapat meringankan penderitaan dan kesusahan yang dialami oleh jiran kita. Izharlah bahawa amalan ziarah-menziarahi mampu menyemarakkan semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat kita.

Sebagai menggulung segala lontaran idea yang telah dinyatakan, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat beberapa cara yang dapat dipraktikkan untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat kita. Dalam era globalisasi ini, sikap mementingkan diri sendiri dan sikap tidak mempedulikan orang lain semakin menebal. Jika hal ini dibiarkan, semangat kejiranan akan luntur dan seterusnya akan menjejaskan perpaduan negara kerana bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Oleh itu, kita perlu memupuk semangat kejiranan bermula daripada sekarang. Cogan kata “*Jiran Sepakat Membawa Berkat*” perlu terus diamalkan dalam kehidupan kita sehari-hari. Golongan remaja seharusnya menyuburkan semangat kejiranan kerana mereka merupakan pemimpin yang akan mewarnai corak pemerintahan pada masa hadapan. Namun begitu, kita tidak seharusnya meletakkan usaha ini pada bahu satu pihak kerana *bertepuk sebelah tangan tak akan berbunyi*. Oleh itu, semua pihak perlulah bersinergi ibarat *berat sama dipikul, ringan sama dijinjing* untuk menghidupkan semangat kejiranan di negara kita. Allah berfirman yang maksudnya, “*Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu kenal-mengenal*”. Semoga Malaysia menjadi sebuah negara yang mempunyai perpaduan yang utuh dan kukuh.

13.KEPENTINGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KEPADA MASYARAKAT

Pada alaf 21 ini, masyarakat telah mengguna pakai pelbagai peranti untuk mendapatkan maklumat. Kecanggihan teknologi maklumat dan telekomunikasi ini elah menjadikan semua orang yang jauh menjadi dekat. Berita di seberang lautan mampu diperoleh dalam sekelip mata. Malah, teknologi maklumat dan komunikasi ini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia, ibarat kata Allahyarham Tan Sri P.Ramlee, seniman agung negara, irama dan lagu tidak dapat dipisahkan. Kalau dipisahkan pincanglah lagu. Begitulah, hubungan akrab antara manusia dengan teknologi maklumat dan komunikasi. Persolannya, apakah peranan yang penting dalam teknologi maklumat kepada masyarakat hari ini sehingga menjadi sebahagian daripada kehidupan.

Salah satu peranan teknologi maklumat yang sangat signifikan dalam landskap kehidupan hari ini ialah teknologi tersebut menjadi medium idea dan pendapat. Kemahiran berkomunikasi ini sejak dahulu telah pun wujud, namun perubahan kemajuan dunia menjadikan komunikasi itu lebih mudah

untuk disampaikan kepada sesiapa sahaja. Malah urusan kerja juga boleh menggunakan medium tersebut untuk mengadakan mesyuarat bersama dengan kakitangan. Baru-baru ini, persidangan APEK 2020 telah berlangsung di Malaysia, namun peserta persidangan hanya bersidang secara maya sahaja di hadapan computer masing-masing. Mereka telah berkongsi pandangan dan pendapat secara maya yang dihoskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohamad Yassin.

Dari perspektif yang lain pula, masyarakat mudah memperoleh pelbagai maklumat dengan menggunakan teknologi maklumat dan telekomunikasi. Masyarakat dapat memperoleh maklumat untuk kegunaan diri sendiri seperti mencari maklumat untuk keperluan minat dan kecenderungan. Selain itu, umat manusia tidak lagi dianggap seperti katak di bawah tempurung apabila semua maklumat mudah diperoleh. Dengan cara ini, mereka sentiasa peka dengan situasi yang berlaku sama ada di dalam negara atau di luar negara. Secara tidak langsung, kita dapat melahirkan generasi yang bermaklumat dan berpengetahuan namun pemantauan amat perlu dilakukan oleh semua pihak yang terlibat dalam pembangunan teknologo maklumat dan komunikasi agar kecanggihan ini tidak menjada seperti senjata makan tuan, yang akhirnya merosakkan rakyat dan negara.

Bukan itu sahaja, akibat pandemik COVID-19 yang berlaku pada 2020, perniagaan dalam talian mendapat sambutan di luar jangkaan bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Perniagaan dari rumah mula beroperasi dengan banyak dan mendapat sambutan daripada penduduk setempat yang tidak dapat bergerak akibat perintah kawalan pergerakan yang dilakukan oleh kerajaan bermula dari PKP (Perintah Kawalan Pergerakan). Masyarakat mula mempelajari teknologi maklumat untuk memasarkan produk mereka. Secara tidak langsung kelas-kelas dalam talian yang memberi tutorial tentang perniagaan dalam talian seperti berdagang dalam Shopee, Lazada, dan pelbagai lagi platform menjadi sasaran orang yang ingin mencuba nasib berdagang secara maya.

Dalam pada itu, teknologi maklumat dan komunikasi telah mengasaskan bakat kreativiti manusia dalam mereka cipta perisian atau aplikasi untuk kegunaan manusia sama ada sebagai medium menjana pendapatan, medium hiburan atau medium mereka bentuk produk. Kemahiran-kemahiran alternative ini dapat diperoleh melalui tutorial yang dipelajari dalam Internet. Laman 'Youtube' bukan sahaja menghidangkan hiburan tetapi juga tutorial pembelajaran sendiri yang boleh dilakukan di rumah. Secara tidak langsung, teknologi maklumat dan komunikasi ini dapat meningkatkan pengetahuan, memberikan kemahiran dan menjadikan manusia terus dapat menjalani kehidupan walaupun dalam situasi pergerakan yang terhad.

Akhirulakam, pelbagai faedah yang akan diperoleh sekiranya masyarakat menguasai teknologi maklumat. Kini ia terserah kepada kita sama ada ingin memanfaatkan sebaik-baiknya atau tidak dalam perkembangan teknologi hari ini. Semua pihak seharusnya bersedia untuk melakukan anjakan paradigma dalam memanfaatkan teknologi maklumat dalam setiap segi kehidupan mahupun pekerjaan. Di samping itu, kita seharusnya berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menguasai teknologi maklumat kerana laut yang ditimba tidak akan kering. Semoga generasi muda di negara ini menjadi generasi yang berjaya dalam memacu negara ke arah kemajuan dan progresif yang berkekalan di samping mengutamakan perkembangan teknologi dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Kelak kemampuan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang digunakan masyarakat dan negara menjadikan Malaysia duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju dari negara luar.

**TIDAK ADA ISTILAH TERLAMBAT UNTUK BELAJAR,
PERUBAHAN TERJADI KERANA KITA MAHU BELAJAR**

DISUSUN OLEH:CG.FD/SMKHOSBA2024